

8)

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10341

SOALAN :

PR-1353-L03657

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes melibatkan warga asing yang menyalahgunakan pas pelajar ketika berada di dalam negara. Adakah Kementerian ada memantau aktiviti warga asing ini bagi mengenal pasti penularan gejala jenayah terutamanya yang melibatkan dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah tangkapan melibatkan pelajar asing yang menyalahgunakan pas pelajar dari tahun 2015 sehingga 30 September 2017 adalah seramai 1,410 orang. Kategori tangkapan pelajar asing mengikut kesalahan Seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 adalah seramai 161 orang bagi tahun 2015, 427 orang bagi tahun 2016 dan 221 orang bagi tahun 2017 (sehingga 30 September).

Manakala kategori tangkapan pelajar asing mengikut kesalahan Seksyen 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 adalah seramai 91 orang bagi tahun 2015, 350 orang bagi tahun 2016 dan 160 orang bagi tahun 2017 (sehingga 30 September).